

**PARLIMEN: Heng 'Diganggu' Lagi Semasa Menggulung Di Dewan Rakyat
Bernama
16 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Senator Heng Seai Kie selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyambung penggulungan di Dewan Rakyat Selasa sekali lagi diganggu beberapa anggota Parlimen wanita parti pembangkang.

Anggota Parlimen itu, termasuk Zuraida Kamaruddin (PKR-Ampang) mengulangi isu yang sama iaitu rasa tidak puas hati dengan ketidakhadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang memegang jawatan menteri di kementerian itu serta mempertikai pelantikan berkenaan.

Bagaimanapun, dakwaan itu dipatahkan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) ketika mencelah menyebut tentang laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris mengenai ketua Wanita PKR.

Beliau berkata dalam laporan akhbar berkenaan yang merujuk kepada anggota Parlimen Ampang itu "She walks like a man and talk like a man", tetapi kenapa tidak ada komen mengenai perkara itu.

R Sivarasa (PKR-Subang) kemudian bangun untuk membela Zuraida dengan mengemukakan peraturan mesyuarat 36(9) yang menyentuh mengenai peribadi seseorang anggota Parlimen.

"Yang Berhormat Pasir Salak dikatakan melanggar peraturan mesyuarat 36(9) dengan menyentuh peribadi seseorang di dalam Dewan. Saya tahu Yang Berhormat tidak ada niat jahat terhadap perkara itu.

"Yang Berhormat sekadar merujuk kepada siaran akhbar. Walaubagaimanapun, saya rasa pihak Ampang tersinggung dalam perkara ini," kata Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Ronald Kiandee ketika sesi penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 peringkat dasar bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Namun, Tajuddin berkeras dengan menyatakan beliau hanya memetik siaran akhbar dan enggan menarik balik mahupun memohon maaf di atas kenyataan yang dibuatnya.

"Saya tidak akan meminta maaf, tidak akan tarik balik. Yang Berhormat boleh ambil tindakan terhadap saya, itu saja. Yang Berhormat berdepan dengan salah orang.

"Sebelah sana yang mengutuk perdana menteri, kutuk Datuk Najib, kutuk orang itu kutuk orang ini, niat jahat kenapa tidak ada tindakan terhadap mereka. Kenapa kamu semua tidak pernah minta maaf?" katanya.

Timbalan Speaker kemudian mententeramkan keadaan, dan meminta Heng supaya tidak melayan dan membalas serangan daripada anggota pembangkang dan meminta beliau meneruskan hujah penggulungan.

Sekali lagi keadaan kecoh apabila N Gobalaskrishnan (BEBAS-Padang Serai) mencelah dan mempersoal kewibawaan Zuraida selaku anggota Parlimen pembangkang wanita yang menyertai rombongan menaiki jet peribadi dan mendapat layanan mewah.

"Saya minta timbalan menteri memberikan penjelasan kerana saya tidak mahu berada dalam keadaan trauma ketika keluar dari dewan yang mulia ini," katanya.

Sementara itu, dalam hujah penggulangannya, Heng berkata susulan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat yang dipersetujui kerajaan pada 26 Jun 2011, kementerian telah menjalankan program pengarah wanita.

Katanya, bagi tahun 2012, kementerian menetapkan sasaran untuk melatih seramai 200 orang pengarah wanita dan setakat Oktober tahun ini, seramai 112 wanita telah menjalani latihan itu.

"Seramai 88 pengarah lagi akan menjalani latihan itu pada Oktober hingga Disember 2012. Dan pada tahun 2013, kementerian menetapkan sasaran untuk melatih 500 orang pengarah wanita," katanya.

Berhubung perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat, beliau berkata ia bergantung kepada pencalonan parti politik yang berkaitan.

"Kalau kita bandingkan peratusan calon wanita yang telah diamanahkan untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-12, didapati bahawa peratusan wanita yang dicalonkan Barisan Nasional (BN) adalah lebih tinggi daripada pakatan pembangkang. Cuma yang menang dan hadir ke dewan ini, calon wanita dari pakatan pembangkang lebih ramai," katanya.

Beliau berkata cadangan untuk meningkatkan bilangan perwakilan wanita di dalam Dewan telah diangkat untuk dibincangkan kepada parti-parti berkenaan dan menunggu pelaksanaannya pada masa akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702465>